

PENCEGAHAN JENAYAH SYARIAH DALAM KONTEKS RAHMATAN LIL A'LAMIN

OLEH:

YAA DATO' DR. HJ. MOHD NA'IM BIN HJ. MOKHTAR
KETUA HAKIM SYARIE MALAYSIA
MERANGKAP
KETUA PENGARAH JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH
MALAYSIA

KONSEP RAHMATAN LIL A'LAMIN

Gagasan Rahmatan lil 'Alamin adalah manifestasi kepada prinsip utama pengurusan hal ehwal Islam yang dilaksanakan dalam kerangka Maqasid Syariah.

- Islam sebagai rahmat bagi sekalian alam.
- Islam membawa keamanan dan kemakmuran dalam masyarakat

- Islam ialah agama yang mendidik dan bukan menghukum semata – mata

PRINSIP JENAYAH DALAM ISLAM

TAKRIF

- Jenayah ialah satu perbuatan yang ditegah menurut syarak dan sekiranya dilakukan, maka boleh dikenakan hukuman ke atasnya

JENAYAH MENURUT MAQASID

- Maqasid syariah ini bertujuan untuk mewujudkan kebaikan (manfaat) dan menolak keburukan serta menghilangkan kemudaratan (mafsadah).

TUJUAN

- Tujuan maqasid syariah ini diasaskan ialah supaya jenayah – jenayah dapat dicegah sebelum seseorang itu dikenakan hukuman

JENIS HUKUMAN JENAYAH SYARIAH

- Hukuman bagi jenayah di dalam Islam adalah hudud, qisas, takzir dan diyat.

HUKUMAN BERDASARKAN ENAKMEN JENAYAH SYARIAH DI MALAYSIA

- Takzir
- Merujuk kepada seksyen 2 Akta 355 Bidang Kuasa Jenayah 1965 :
- 3 Tahun Penjara
- RM5000 Denda
- 6 kali Sebatan

KONSEP RAHMAH DALAM JENAYAH SYARIAH

- Hukuman Islam bertujuan untuk mendidik dan mencegah daripada berlakunya jenayah syariah dan bukan untuk menghukum semata-mata.
- Pencegahan jenayah syariah

Perbuatan Tidak Sopan Sek.31 EJSM

- Pemulihan dengan menjalani program seperti pemantapan sahsiah diri, amali solat, pemantapan bacaan al-Quran, sesi muhasabah dan sebagainya.

Pusat Pemulihan

- Mewujudkan pusat pemulihan akhlak yang diwartakan terutama di bawah seliaan Majlis Agama Islam seperti Baitul Iman dan Baitul Ehsan. Seterusnya mewujudkan kerjasama strategik dengan agensi berkaitan dalam pemulihan alternatif selain pusat rehabilitasi atau pusat pemulihan sedia ada seperti perintah kehadiran wajib penjara atau modul pemulihan di Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan meletakkan Agensi terlibat atau Majlis Agama Islam sebagai Urusetia.

Pesalah muda

- Menggalakkan melakukan kerja – kerja kebajikan.

PENGHUKUMAN JENAYAH SYARIAH

- Risalah al-Qada' saidina Umar al-Khattab RA menyatakan kepada Muaz bin Jabal: *"...hakimilah sesuatu apabila engkau memahaminya, dan laksanakanlah apabila engkau menghakiminya"*.

LANGKAH LANGKAH PENCEGAHAN JENAYAH SYARIAH

Pengukuhan
Undang undang

Pemantapan
Institusi
Kekeluargaan

Penyeragaman
Undang Undang
Syariah

Pemeriksaan
Modul
Pendidikan

Penguatkuasaan
Undang-Undang

PENGUKUHAN UNDANG – UNDANG

- ❖ Pengukuhan undang – undang ini boleh terjadi dengan cara meningkatkan bidangkuasa hukuman jenayah syariah.
- ❖ Sebagai contoh, meningkatkan kadar denda daripada RM5,000 kepada satu amaun yang munasabah dengan melihat kepada situasi kewangan dan latar belakang pesalah.
- ❖ Ini adalah bersesuaian dengan konsep *Rahmatan lil A'lamin* yang mengaplikasikan konsep hikmah dalam menjatuhkan hukuman.

PEMERKASAAN MODUL PENDIDIKAN

Memantapkan pemahaman undang undang dan jenayah syariah dalam silibus pembelajaran di peringkat sekolah dan IPT.

Menjalinkan kerjasama antara agensi kerajaan dengan IPT dan sekolah .

PEMANTAPAN INSTITUSI KEKELUARGAAN

- Ibu bapa perlu menjadi contoh kepada anak – anak dalam membentuk keluarga sakinah.
- Ibu bapa bertanggungjawab mendidik anak – anak mengenai segala perkara yang boleh dilakukan dan dilarang.
- Ibu bapa sebagai pemantau bagi mengelakkan unsur – unsur negatif daripada anak – anak.

PENYERAGAMAN UNDANG – UNDANG SYARIAH SETIAP NEGERI

- Undang-undang kesalahan jenayah syariah yang berbeza di setiap negeri.
- Penyeragaman undang – undang syariah di setiap negeri adalah perlu bagi mengelakkan persepsi buruk masyarakat kepada kesalahan jenayah syariah yang berbeza di setiap negeri.
- Ia juga bertepatan dengan matlamat untuk mencapai maqasid syariah dan juga konsep *Rahmatan lil A'lamin* supaya kehidupan masyarakat lebih aman dan damai.

KEPENTINGAN MENCEGAH JENAYAH SYARIAH

- Melindungi agama Islam.
- Melahirkan masyarakat yang bebas daripada segala bentuk jenayah
- Menjaga nama baik negara daripada tercemar dengan unsur – unsur negatif
- Mengurangkan jumlah pesalah yang sedia ada.
- Ke arah melahirkan negara Malaysia Bersih.

HARAPAN

- Tugas mencegah jenayah syariah di negara bukan tanggungjawab pihak kerajaan semata-mata. Malah ia adalah tanggungjawab bersama semua pihak.
- Kerjasama antara agensi kerajaan pusat dan negeri.
- Kerjasama dalam kalangan masyarakat melalui pelbagai platform dan komuniti dalam mencegah jenayah.



Sekian

Terima Kasih